

20 DEC 2001

Ong-Masa Depan

"KERJAYA POLITIK SAYA TIDAK AKAN BERAKHIR", KATA ONG

KUALA LUMPUR, 20 Dis (Bernama) -- Ketua Pemuda MCA Datuk Ong Tee Keat berkata apa-apa keputusan untuk menggantung beliau daripada jawatan ketua pemuda oleh jawatankuasa pusat parti dalam mesyuaratnya petang ini tidak bermakna kerjaya politiknya akan berakhir.

Ong berkata beliau sedia menghadapi apa sahaja keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa pusat parti itu.

"Memang saya sedar akan perkara itu (keputusan), termasuk kemungkinan digantung daripada jawatan," kata beliau kepada pemberita di pejabatnya di Kementerian Beliau dan Sukan di sini, hari ini.

Ong berkata presiden parti Datuk Seri Dr Ling Liong Sik sendiri disingkirkan daripada parti pada 1983 tetapi ia tidak menamatkan kerjaya politik beliau.

Beliau berkata jika jawatankuasa itu memutuskan untuk menggantungnya daripada jawatan itu, ia hanya akan menyukarkan lagi apa-apa usaha untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh parti.

Ong juga berkata beliau telah berjumpa dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini di Alor Setar dan telah menjelaskan kepadanya mengenai insiden pergaduhan di mesyuarat pemuda dan juga yang beliau tidak terbabit dalam insiden itu.

"Saya terhutang budi kerana dapat peluang untuk menemui beliau dan mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana nasihat dan timbang rasa beliau," dan menambah kata apa yang berlaku dalam pertemuan itu bukan seperti apa yang didakwa oleh golongan tertentu.

Pihak-pihak tertentu dalam parti khususnya di pihak lawan membuat spekulasi yang Ong telah diberi amaran oleh Perdana Menteri.

-- BERNAMA

AT AFY PR